

06/11/2001

Rafidah dibenar keluar hospital

MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang dimasukkan ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (Ripas) di sini kelmarin, dibenarkan keluar pagi semalam.

Ketika dihubungi, Rafidah berkata, beliau dapat menyertai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada sesi pagi Sidang Kemuncak Asean ke-7 di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC).

Katanya, beliau hanya menghadapi sedikit masalah penghadaman dan kini semakin baik.

(END)